

Kenaikan 50 peratus di semua hospital kerajaan berkuat kuasa 1 Januari

Kosmo
15/11/16

Sah caj perubatan hospital naik

Kosmo! semalam melaporkan Kementerian Kesihatan didakwa akan menaikkan caj rawatan di hospital kerajaan sebanyak 50 peratus berkuat kuasa 1 Disember ini atau selewat-lewatnya pada Januari 2017.

Kenaikan tersebut melibatkan semua jenis rawatan bagi kelas pertama dan kedua seperti kos bersalin, rawatan pesakit ditahan dalam wad, fisioterapi, radioterapi, nefrologi serta psikiatri.

Sebagai contoh, caj rawatan bersalin melalui pembedahan sebanyak RM800 bagi kelas pertama akan dinaikkan kepada RM1,200 manakala kelas kedua naik kepada RM600 daripada RM400 sekarang.

Mengulas lanjut, Subramaniam berkata, rakyat perlu faham mengenai kenaikan tersebut memandangkan perbelanjaan yang ditampung kerajaan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik semakin meningkat.

Katanya, keutamaan kerajaan adalah sama sejak dahulu iaitu memastikan rakyat miskin dan berpendapatan rendah mendapatkan rawatan daripada sistem perkhidmatan awam tanpa dikenakan bayaran.

"Kumpulan yang mendapatkan rawatan kelas satu dan dua tidak ramai. Kebanyakan mereka mendapat rawatan di hospital swasta dan sesekali pergi ke hospital kerajaan kerana doktornya yang bagus," ujarnya.

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan mengesahkan caj rawatan perubatan bagi kelas satu dan dua di semua hospital kerajaan akan dinaikkan sebanyak 50 peratus berkuat kuasa 1 Januari tahun hadapan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, keputusan itu dibuat memandangkan tiada semakan dilakukan sejak tahun 1982 selain keperluan menilai semula elemen subsidi bagi kedua-dua kelas berkenaan.

Menurutnya, kenaikan itu tidak memberi kesan kerana hanya 1.5 peratus atau 32,000 pesakit yang mendapatkan rawatan kelas satu dan dua daripada keseluruhan dua juta pesakit di hospital kerajaan.

"Pesakit kelas satu dan dua sebelum ini sudah pun membayar caj rawatan. Walaupun berlaku sedikit kenaikan, pesakit ini masih lagi menerima subsidi dalam jumlah yang agak besar.

"Kenaikan ini tidak akan membebankan golongan sasaran iaitu kelompok mewakili 98.5 peratus yang mendapatkan rawatan kelas ketiga. Jadi, kita masih tidak lari daripada prinsip membantukan rakyat mendapatkan rawatan hospital terbaik," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



KERATAN *Kosmo!* semalam.



SUBRAMANIAM (tengah) bersama timbalannya, Datuk Seri Dr. Hilmil Yahya (kiri) dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.